

Sidang media bersama Datuk Seri Syed Hamid Albar selepas merasmikan Sambutan Hari Kualiti AADK 2008.

Dadah, rasuah ditangani

S.H 17/12/08 M123


MOHAMMAD FAIRUZ JUMAIN
Foto: ABDUL LATIFF ZAKARIA

Apakah perancangan hala tuju Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK)?

AADK ini diperkenalkan dan dipertanggungjawabkan melaksanakan proses yang dianggap lebih mesra kepada mereka yang terjebak dengan dadah atau bekas-bekas penagih.

Buat-masa ini, salah satu daripada cita-cita yang hendak capai, membebaskan Malaysia dari gejala dadah pada 2015 dan dengan itu banyak program telah kita buat di Pusat Serenti dan program kerjasama dengan polis dan terbaru, kita juga telah memulakan program 'Desa Damai' dengan memberikan kemahiran dan latihan kepada penagih atau bekas penagih dadah supaya mereka mempunyai keyakinan malah Tekun Nasional turut memberi sumbangan dengan memberi pinjaman mereka menjalankan aktiviti mereka.

Kelmarin, Datuk Seri Nazri Aziz menyatakan saudara mara



(Dari kiri) Ketua Pengarah AADK Datuk Abd Bakir Zin, Syed Hamid dan Timbalan Ketua Keselamatan KKDN, Ahmad Fuad Abdul Aziz.

penerima rasuah juga tidak akan terlepas daripada tindakan pihak berkuasa, apakah pandangan Datuk Seri?

Apa yang dia (Datuk Seri Nazri Aziz) cakap memang sudah terdapat dalam undang-undang kita, tetapi hanya sekarang bila kita tubuhkan sebuah jawatankuasa melahirkan satu persepsi kepada rakyat kita serius dalam usaha membanteras rasuah barulah banyak pihak melahirkan pelbagai reaksi. Rasuah tidak terkait setakat

individu sahaja tetapi termasuk juga kaum keluarga yang terbabit.

Semua orang mesti faham tentang perkara ini dan Nazri bercakap tentang undang-undang yang sudah ada. Perkara ini adalah tegas, seorang pun tidak akan terlepas jika terlibat dengan rasuah termasuk ayah, ibu, abang, kakak dan adik kita dan semua terangkum dalamnya. Ini juga satu peringatan mengenai sfera ayat 'saudara' dalam Akta pencegahan Rasuah 1997 dan pelaksanaannya.

Dalam SPRM ini, apakah pindaan yang akan dibuat?

Saya sentiasa mendengar rungutan orang ramai, membaca artikel dan aduan tetapi saya tidak boleh beri sebarang komen sekarang tetapi akta ini sudah pun dibawa ke peringkat Dewan Negara untuk dipinda dan semuanya hampir siap seperti siapa yang akan dilantik mengetuai suruhanjaya ini dan kita akan ambil kira semua pandangan yang kita dapat semasa perbincangan.

Apakah pandangan Datuk Seri apabila ramai penduduk Bukit Antarabangsa mengadu tindakan pihak polis yang tidak bertanggungjawab dan banyak kecurian berlaku?

Pihak polis telah melaksanakan tugas dengan baik, tanpa mereka segala usaha mencari, menyelaras di bawah keadaan genting seperti ini akan bertambah sukar. Kita faham perasaan penduduk di situ dan jika terdapat sebarang aduan, laporkan aduan terbabit dan kami akan bertindak terhadap mereka yang melakukan kesalahan. Secara umum, tidak adil

kepada pasukan keselamatan dan pasukan penyelamat yang menjalankan operasi siang dan malam tanpa henti untuk memastikan keselamatan penduduk di situ tetapi didakwa tidak bertanggungjawab dan menuduh seolah-olah semua sekali terlibat.

Satu kes tersebut yang dilaporkan oleh penduduk Bukit Antarabangsa melibatkan kes jenis apa Datuk Seri?

Saya difahamkan kes ini melibatkan kecurian dan ada barang hilang dan bagaimana kita hendak mengetahui barang ini hilang? Kita tidak tahu siapa melakukannya di dalam situasi sukar seperti ini, apa-apa sahaja boleh berlaku, tetapi mereka telah melaporkannya kepada kita jadi kita akan meniasat kes ini.

Dalam situasi di Bukit Antarabangsa, terlampau ramai anggota penyelamat termasuk orang awam dan jangan menuduh semua orang seolah-olah jahat. Media boleh memainkan peranan dengan melaporkan perkara-perkara lebih positif dan jangan sahaja ambil semua isu yang belum tentu benar.